

Jenis Akhbar : Utusan TV
Tarikh : 01/12/2021
Edisi / Muka Surat : <https://utusanv.com/>
Tajuk : PM ucap tahniah kepada Presiden ANGKASA

PM ucap tahniah kepada Presiden Angkasa



DATUK Seri Ismail Sabri Yaakob mengucapkan tahniah kepada Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Dr Abdul Fattah Abdullah atas pemilihan beliau sebagai Naib Presiden Ikatan Koperasi Antarabangsa Rantau Asia Pasifik (ICA-AP) bagi penggal 2022-2026.



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob **GAMBAR: Abd Razak Aid**

Dalam ucapan tahniah yang dizahirkan menerusi laman Facebooknya, Perdana Menteri berkata, pemilihan tersebut menunjukkan keyakinan dan kepercayaan kepimpinan koperasi

antarabangsa terhadap kewibawaan kepimpinan gerakan koperasi di Malaysia yang dilihat progresif, sistematik dan berdaya maju.

“Tahniah! Malaysia mencatat sejarah apabila memenangi kerusi Naib Presiden ICA-AP pada perhimpunan serantau ICA-AP ke-15 yang dianjurkan secara hibrid di Seoul, Korea Selatan,” kata Perdana Menteri dalam catatan itu hari ini.

Abdul Fattah yang juga Presiden Pertubuhan Koperasi ASEAN (ACO) merupakan individu kedua dari Malaysia dipilih sebagai Naib Presiden ICA-AP selepas Allahyarham Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid.

Menurut kenyataan Angkasa, pemilihan itu dijalankan menerusi Sistem Pengundian Elektronik dan terdahulu Abdul Fattah turut dipilih semula sebagai anggota lembaga ICA-AP untuk tempoh empat tahun.